

Tahun 1, Bilangan 8.

1 June, 1956.

Titah DYMM Sultan Brunei di Majlis2 Pembukaan Rasmi) Bangunan2 Baharu Sekolah2 Melayu dan China)	Muka 1
British Resident Brunei akan Berchuti	2
Pegawai2 Kerajaan Brunei Mera'ikan Tuan dan Mem Gilbert	3
Upachara Sambutan Hari Jadi Baginda Queen di Bandar Brunei	3
Pengurniaan Gelaran2 Hari Jadi Baginda Queen	4
Pegawai Perubatan Negeri Brunei	5
Chief Inspector Stephen Liew Ka United Kingdom	5
Juru-tera Negeri Brunei Yang Baharu	6
Ketua Pasokan Pemadam Api B.M.P. Melawat Bandar Brunei	6
Hadiah Pejabat Kebajikan Negeri	6
Sharikat Melayu Kampong Serdang	6
Halaman Penerangan	7
Pembahagian Ayer di Kuala Belait	9
Masjid Baharu di Brunei	10
Licence Baisikal di Brunei	11
Jema'ah Haji dari Brunei Tahun Ini.	11
Pertunjukan Wayang Gambar Pejabat Penerangan Brunei	12
Tiket Kapal Ferry Tutong/Danau	12

Saya berangkat pulang yang keemasan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Guru Besar Sekolah ini, kepada kesemua orang yang telah berkesinambungan bagi membangunkan Sekolah yang ini ini. Terlebih lagi, Saya dengan sukacitanya mengucapkan terima kasih kepada Ibu2, Bapa2, dan Warith2 pemuntut2 Sekolah yang telah bekerjasama bagi menjayakan apatawa pembu-
kaan rasmi bangunan baharu Sekolah ini.

Sebagaimana yang diketahui oleh para kawasanya, Pe-
lajaran ialah anak-tangga kemajuan bangsa bangsa, Saya ber-
satu kepada Ibu2, Bapa2 dan Warith2 yang hadir di
Majlis yang bersejarah ini dan juga kepada Ibu2, Bapa2, serta
Warith2 anak2 yang tidak dapat memberi pelajaran yang
tinggi dengan sebarang cara kepada anak2 mereka, kerana de-
ngan mempunyai pelajaran yang tinggi, dapatlah anak2 itu se-
mula ini dan dapat pelajaran yang tinggi berkhidmat untuk bangsa
dan watan.

Terkadang anak2 pula, Saya berharap supaya kamu rajin
belajar setiap masa serta menghormati Ibu-Bapa, Warith2, Gu-
ru2 dan orang2 tua kamu, kerana dengan jalan ini moga2 kamu
akan menjadi rakyat yang berfaedah di kemudian hari nanti.

Di sini Saya akan berangkat pulang dan Saya percheaya
sekalian yang hadir ...

87

PELITA



BRUNEI

Jahun 1. No. 8.

DITERBITKAN OLEH PEJABAT PENERANGAN
KERAJAAN BRUNEI
DUA KALI SABULAN

1 JUNE, 1956.

* TITAH DULI YANG MAHA MULIA SULTAN BRUNEI DI MAJLIS2

PEMBUKAAN RASMI BANGUNAN2 BAHARU SEKOLAH2 MELAYU DAN CHINA

Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei, Sir Omar Ali Saifuddin telah dengan sukachitanya melakukan pembukaan rasmi enam buah bangunan2 baharu Sekolah2 Melayu dan China di daerah2 Brunei, Tutong dan Temburong pada 21 May yang lalu.

Lima daripadanya ialah Sekolah2 Melayu dan sebuah lagi ialah Sekolah China, iaitu Sekolah2 Melayu Sinaut dan Penanjong, serta Sekolah China Chung Hwa di Tutong pada 21 May, menekala pembukaan rasmi bangunan baharu Sekolah2 Melayu Baru-Baru, Puni dan Bukok telah dilansongkan pada 22 May.

Dibawah ini kita peturunkan titah Baginda di Majlis2 pembukaan rasmi kesemua bangunan2 baharu Sekolah2 tersebut:

" Dengan nama Allah Subhanahu Wata'ala, Saya berasa sangat sukachita dan menguchap shukur atas kesempurna'annya perishtiharan dengan rasminya pembukaan bangunan Sekolah ini. Saya berdo'a kepada Tuhan Yang Maha Asa, agarnya Sekolah ini akan beroleh dengan bertambah2 kemajuan dari satu masa ka satu masa.

" Saya mengambil peluang yang keemasan ini untuk menguchapkan tahniah kepada Guru Besar Sekolah ini, kepada kesemua orang yang telah bekerjasama bagi membangunkan Sekolah yang indah ini. Berlebeh2 lagi, Saya dengan sukachitanya menguchapkan tahniah kepada Ibu2, Bapa2, dan Warith2 penuntut2 Sekolah yang telah bekerjasama bagi menjayakan upacara pembukaan rasmi bangunan baharu Sekolah ini.

" Sebagaimana yang diketahui oleh umom bahawasanya, Pelajaran itulah anak-tangga kemajuan sesuatu Bangsa, Saya berseru kepada Ibu2, Bapa2 dan Warith2 kanak2 yang hadir di Majlis yang bersejarah ini dan juga kepada Ibu2, Bapa2, serta Warith2 kanak2 yang tidak hadir supaya memberi pelajaran yang tinggi dengan seberapa boleh kepada anak2 mereka, kerana dengan mempunyai pelajaran sademikian, dapatlah kanak2 itu sudah lulus dalam pelajaran masing2 berkhidmat untuk bangsa dan watannya.

" Terhadap kanak2 pula, Saya berseru supaya kamu rajin belajar setiap masa serta menghormati Ibu-Bapa, Warith2, Guru2 dan orang2 tua kamu, kerana dengan jalan ini moga2 kamu akan menjadi ra'ayat yang berfaedah di kemudian hari nanti.

" Disini Saya suka mengambil peluang dan Saya perchaya
sekalian yang hadir ...

sekalian yang hadir mempersetujuinya jua, iaitu memberi tahniah dan terima kasih kepada Tuan Pegawai Pelajaran Negeri, kerana sokongan dan usahanya, dengan dibantu oleh Pegawai2nya, maka Sekolah ini telah dapat dibangunkan dengan jayanya.

" Marilah kita semuanya yang hadir di Majlis ini berdoa kepada Tuhan agaknya dengan pelajaran dan pendidikan yang diberi oleh Guru2 Sekolah ini, maka dapatlah Penuntut2 Sekolah ini memunjukkan jasa mereka terhadap rakyat jelata Negeri ini pada masa hadapan ".

Ketika bertitah di Majlis pembukaan rasmi bangunan baharu Sekolah China Chung Hwa di Tutong, diantaranya Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei bertitah :

" Sekolah ini telah dibangunkan dengan perbelanjaan yang besar, diperolehi dari derma orang ramai dan juga dengan bantuan dari pihak Kerajaan Brunei. Dengan mempunyai perasaan bertimbangrasi terhadap pelajaran kanak2, maka penderma2 itu, Saya percaya tentulah beroleh dengan semangat yang riang dan gembira pada hari ini kerana mereka telah dapat melihat bahawa dengan kumpolan derma yang mereka telah menghadiahkan itu, Pihak Yang Bertanggung Jawab dalam urusan pembangunan Sekolah ini telah dapat membangunkan sebuah bangunan Sekolah yang chukop indah dihadapan kita ini.

" Oleh itu, Saya berasa sukachita mengucapkan berbanyak2 terima kasih kepada kesemua orang yang telah mengeluarkan hadiah sedemikian. Saya berharap, orang2 yang belum lagi mengeluarkan sebarang jenis derma terhadap Sekolah yang baharu ini akan tidak bersegaran lagi memberi derma masing2.

" Dengan adanya sebuah Sekolah China yang besar di Daerah Tutong ini, dapatlah ramai bilangan kanak2 belajar di Sekolah ini. Kepada murid2 sekalian, Saya berseru supaya mereka rajin belajar. Bagitu juga Saya berharap supaya Ibu-Bapa dan Warith2 kanak2 memberi pelajaran dan pendidikan yang tertentu kepada anak2 mereka, kerana dengan hal ini dapatlah kanak2 itu akan menjadi orang2 yang berfaedah yang diam dalam Negeri ini pada masa mereka besar nanti.

" Disini Saya suka mengambil peluang, dan Saya percaya para hadirin harus turut mempersetujuinya, iaitu memberi tahniah dan terima kasih kepada Tuan Pegawai Pelajaran Negeri kerana sokongan dan usahanya, maka Sekolah ini telah dapat dibangunkan dengan jayanya.

" Akirnya, Saya berseru kepada kesemua Guru2 Sekolah ini supaya menanam semangat pelajaran yang tinggi kadalam hati tiap2 murid Sekolah dan juga memberi sebarang nasehat dan tegoran yang berfaedah kepada murid2 mereka untuk memandu mereka ka arah kemajuan dalam hal ehwal pelajaran masing2.

BRITISH RESIDENT BRUNEI AKAN BERCHUTI

Yang Berhormat Mr. J.O. Gilbert, British Resident Brunei akan berangkat ka England pada bulan ini kerana menyampurnakan chuti panjangnya. Beliau dijangka akan berangkat dari Brunei ka Singapura pada hari Ithnin 11 June dengan kapal terbang dan dari sana akan belayar ka England bersama dengan Mem Gilbert pada hari Juma'at 15 June dengan kapal Willem Ruys.

Mem Gilbert akan berangkat ka Singapura pada hari Juma'at 8 June. Sabelum berangkat dari Brunei, beliau dan Mr. Gilbert di ra'ikan dibeberapa Majlis2 Jamuan yang meriah.

PEGAWAI2 KERAJAAN BRUNEI MERA'IKAN TUAN DAN MEM GILBERT

Pegawai2 Kerajaan Brunei telah mengadakan satu Majlis Jamuan Satay, Minuman dan Tari Menari di rumah persekutuan Brunei Sports Club pada malam hari Rabu 30 May, 1956 kerana mera'ikan British Resident Brunei, Yang Berhormat Mr. J.O. Gilbert dan Mem Gilbert yang akan berangkat ka England sedikit hari lagi.

Majlis itu telah dimulai dari pukul 7 malam dan diteruskan hingga ka pertengahan malam, dalam mana sakalian yang hadir telah mengambil peluang mengucapkan Selamat Jalan dan berchuti kepada Tuan dan Mem Gilbert.

Diantara para tetamu yang hadir di temasha tersebut ialah Wazir Yang Pertama Negeri Brunei, Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara dan Wazir Yang Kedua Negeri Brunei, Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha.

Pengiran Kerma Indera Mohamed, sebagai Wakil Pegawai2 Kerajaan yang hadir di Majlis itu, ketika memberi ucapan menyatakan bahawa Majlis itu telah diadakan kerana mera'ikan Tuan dan Mem Gilbert yang akan berangkat ka England sebagaimana terma'lom, dan mengucapkan Selamat Belayar dan Selamat Balek ka Brunei kepada kedua2 beliau itu.

Dalam ucapannya itu, beliau telah menyebut bahawa selama dua tahun setengah kaki tangan Kerajaan Brunei telah berkhidmat dibawah tadbiran Tuan Gilbert, sakaliannya telah sentiasa mendapat penoh timbang rasa dari Tuan Gilbert.

Tuan Gilbert telah membalas ucapan itu dengan melafadzkan kata2 yang bersesuaian. Beliau telah mengucapkan berbilang2 terima kaseh kepada kesemua Pegawai2 Kerajaan yang telah mengadakan Majlis itu untuk mera'ikannya dan Mem Gilbert.

Berlebeh2 lagi, Tuan Gilbert telah mengucapkan terima kaseh kepada Pegawai2 Kerajaan Negeri ini atas pertolongan masing2 kapadanya semasa beliau memegang jawatan British Resident seraya memegaskan bahawa penggantinya Mr. D.C. White, bekas Resident Sibu, Sarawak, iaitu saorang yang chukup mahir dalam hal ehwal pertadbiran negeri akan tiba di Brunei sedikit hari lagi.

Tuan Gilbert menerangkan bahawa dengan persetujuan dari Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei, beliau sangat sukachita hendak kembali samula ka Brunei setelah menyampurnakan perchutiannya untuk memegang jawatannya samula.

Bagi pehak Mem Gilbert pula, Tuan Gilbert telah mengucapkan Selamat Tinggal kepada Pegawai2 Kerajaan dan Isteri masing2 khasnya serta kepada penduduk2 diseluruh Brunei 'amnya.

UPACHARA SAMBUTAN HARI JADI BAGINDA QUEEN DI BANDAR BRUNEI

Upachara sambutan Hari Jadi Baginda Queen Elizabeth II telah dilangsungkan dihadapan bangunan Pejabat2 Kerajaan Brunei di Bandar Brunei pada pagi hari Khamis 31 May, 1956.

Upachara tersebut telah dihadziri oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei, Sir Omar Ali Saifuddin; British Resident Brunei, Yang Berhormat Mr. J.O. Gilbert; Wazir Yang Pertama Negeri Brunei, Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara;

Wazir Yang Kedua ...

Wazir Yang Kedua Negeri Brunei, Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha; Penulong Resident Brunei, Mr. D.L. Bruen; Chief Police Officer Brunei, Mr. A.M. Outram; Ahli2 Majlis Mashuarat Negeri; Ahli2 Perkhidmatan Pertadbiran Brunei; Ketua2 Pejabat; Para Pembesar Negeri dan lain2nya.

Sabelum istiadat dimulakan, beratus2 orang kanak2 Sekolah Melayu, Inggeris dan China; Pengakap2; Ahli2 Pasokan Palang Merah British; Ahli2 Pejabat Customs dan Marine serta lain2 pehak telah mengambil tempat masing2.

Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei telah tiba pada pukul 8.25 minit dan pada masa itu Pasokan Police Brunei yang sedang berbaris dengan hebat dibawah pimpinan O.C.P.D., Mr. B. Carvalho telah memberi "Royal Salute" diturut dengan Lagu Kebangsaan Brunei dan pada masa itu Panji2 Duli Yang Maha Mulia pun dikibarkan.

Lima minit kemudian Yang Berhormat British Resident tiba. Salepas dilakukan "General Salute" dan lain2 upacara, Yang Berhormat British Resident membachakan kepada orang2 ramai permakluman anugerah Pingat Kahormatan C.B.E., kepada Mr. R.E. Hales, Managing Director, British Malayan Petroleum Company Limited, Seria dan Sarawak Oilfields Limited.

Kemudian Yang Berhormat British Resident memeriksa Barisan Police dan lain2 pasokan2 yang telah mengambil bahagian dan setelah selesai dilakukan lain2 upacara, maka dengan diketuai oleh beliau itu sakalian yang hadir telah memberi tiga kali sorak kepada Duli Yang Maha Besar Baginda Queen.

Mulai dari pukul 10.30 pagi hari itu hingga ka pukul 12 tengah hari, beratus2 orang Pegawai2 Kerajaan Brunei; Anggota2 dari Sharikat Minyak British Malayan Petroleum Company Limited seria dan orang2 ramai telah melawat ka rumah Yang Berhormat British Resident kerana memberi Uchapan Selamat Hari Jadi Baginda Queen. Kesemua pelawat2 telah ditemui oleh Yang Berhormat Mr. J.O. Gilbert dan Mem Gilbert, dalam mana mereka telah dijamukan dengan makanan dan minuman.

Majlis itu telah diserikan dengan kedatangan Duli Yang Maha Mulia Sultan dan Duli Yang Maha Mulia Raja Isteri Brunei; Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara; Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha serta beberapa orang kerabat Diraja Brunei dan para Pembesar Negeri ini.

Sabelum Majlis itu ditamatkan, para hadirin dengan diketuai oleh Yang Berhormat British Resident telah berdiri sajurus dan minum untuk Selamat kepada Duli Yang Maha Besar Baginda Queen Elizabeth II.

PENGURNIAAN GELARAN2 HARI JADI BAGINDA QUEEN

Duli Yang Maha Besar Baginda Queen Elizabeth II telah dengan sukachitanya menganugerahkan Gelaran2 Kehormatan Hari Jadi Baginda kepada delapan orang di Brunei, Sarawak dan Borneo Utara.

Diantara bilangan tersebut ialah dua orang Melayu, dua orang Eropah, dan empat orang China, mengandongi seorang perempuan dan tujuh orang lelaki. Seorang dari Brunei, lima orang dari Sarawak dan dua orang dari Borneo Utara.

Orang2 yang telah ...

Orang2 yang telah menerima Gelaran2 Kehormatan itu ialah seperti berikut :-

"Commander of the British Empire" (Bahagian Awam) : Mr. R.E. Hales, Managing Director, British Malayan Petroleum Company Limited, Seria dan Sarawak Oilfields Limited kerana perkhidmatan2 awam di Brunei.

"Order of the British Empire" (Bahagian Awam) : Inche' Mohammed Yassin bin Haji Hashim, Ahli Jawatan Kuasa Tadbir, Majlis Mashuarat Negeri Borneo Utara; Mr. Tan Kai Choon, kerana perkhidmatan2 awam di Sarawak; dan Mr. Arthur Thomas Wedgwood kerana perkhidmatan2 awam di Sarawak.

"Member of the British Empire" (Bahagian Awam) : Nonya Kong Yu Siung dari Pejabat Pelajaran Negeri Sarawak; Mr. Lee Swee Ling, kerana perkhidmatan2 untuk kebajikan masharakat di Sarawak; dan Mr. Yew Sui Chang, kerana perkhidmatan2 untuk Pergerakan Pengakap di Borneo Utara.

"Colonial Police Medal" : Sergeant Major Arsat bin Malek dari Sarawak.

X PEGAWAI PERUBATAN NEGERI BRUNEI

Dr. M.T. Read, iaitu Pegawai Perubatan Negeri Brunei yang baharu, telah tiba di Brunei dari Labuan pada hari Thalhatha 22 May, 1956 untuk memegang jawatannya yang baharu itu.

Beliau telah memegang jawatan Ketua Pegawai Perubatan Negeri Kelantan, Persekutuan Tanah Melayu dan telah berkhidmat dalam Perkhidmatan2 Perubatan Malaya samanjak tahun 1946.

Dr. Read telah melawat Negeri Brunei pada 26 April, 1956 dan telah berangkat balek ka Kelantan pada penghujung bulan itu. Dalam masa yang singkat Dr. Read berada di Brunei, beliau telah mengadakan perundingan2 bersama2 dengan beberapa pihak yang berkenaan dengan pembangunan Rumah Sakit di Kawasan Penaga, iaitu diantara Kuala Belait dan Seria yang akan dibina oleh Kerajaan Brunei dan akan ditadbirkan buat sementara oleh Sharikat Minyak British Malayan Petroleum Company Limited, Seria.

Dr. M.A. Rozalla telah berhenti memegang jawatan Pemangku Pegawai Perubatan Negeri Brunei mulai dari 23 May, 1956 dan tempatnya itu telah dipenohi oleh Dr. M.T. Read.

X CHIEF INSPECTOR STEPHEN LIEW KA UNITED KINGDOM

Chief Inspector Stephen Liew Kee Soon dari Pasokan Police Kuala Belait akan berangkat ka United Kingdom dengan kapal terbang pada 2 July, 1956 untuk menghadiri Kursus "A" di Maktab Police di Ryton-on-Dunsmare, berdekatan Coventry.

Beliau akan berada diluar negeri hingga 9 December tahun ini dan selepas itu akan balek ka Brunei untuk menjalankan pekerjaan2nya semula.

Sabelum masa Peperangan ...

Sabelum masa Peperangan Dunia Kedua, Inspector Stephen Liew telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerani2 Kerajaan Brunei. Salepas Peperangan, beliau telah berkhidmat dengan Pasokan Police Negeri Brunei dan kemudiannya dilantek menjadi Inspector dalam tahun 1946.

Chief Inspector Stephen Liew ialah julong2 Warga Negara Brunei yang telah dilantek menjadi Inspector Police di Negeri ini. Pada masa sekarang beliau memegang jawatan Pegawai Yang Menjaga Pejabat Penyiasatan Jenayah ("Criminal Investigation Department") dalam Bahagian Belait.

X JURU-TERA NEGERI BRUNEI YANG BAHARU

Mr. L.H. Hyett telah dilantek menjadi Juru-tera Negeri Brunei yang baharu mulai dari 14 May, 1956 dan mulai dari tarikh itu juga Mr. G.T. Myles telah berhenti memegang jawatan tersebut.

X KETUA PASOKAN PEMADAM API B.M.P. MELAWAT BANDAR BRUNEI

Mr. Cecil Dorral, Ketua Pasokan Pemadam Api dari Sharikat Minyak British Malayan Petroleum Company Limited, Seria telah melawat Bandar Brunei pada bulan May yang lalu untuk menjalankan penyiasatan berkenaan dengan mengadakan sebuah Pasokan Pemadam Api bagi Kawasan Kampong Ayer.

Mr. Dorral akan menyediakan penyata berhubung dengan penyiasatannya itu dan kemudian akan menghantarkannya kepada Kerajaan Brunei untuk dipertimbangkan.

Meskipun penyata itu belumlah lagi diterima oleh Kerajaan, tetapi diperchayai bahawa beliau akan menhadangkan supaya Kerajaan mengadakan "rakit2" ayer bagi menjalankan pekerjaan memadam api itu.

X HADIAH PEJABAT KEBAJIKAN NEGERI

Pejabat 'Adat Istiadat, Ugama dan Kebajikan Negeri telah mengeluarkan hadiah sebanyak \$ 25 kepada Sambas bin Aji dari Kampong Kilanas, Brunei yang telah menerima kemalangan setelah rumahnya terbakar pada 3 May yang lalu.

X SHARIKAT MELAYU KAMPONG SERDANG

Dengan ini disiarkan untuk pengetahuan orang2 ramai bahawa Kerajaan Brunei telah mendaftarkan dengan rasminya Sharikat Melayu Kampong Serdang sebagai sebuah pertubohan.

Beberapa masa yang lampau ini kedengaran diantara sabahagian orang ramai menyuarakan rasa tidak puas hati atas dasar2 Kerajaan, terutama sekali atas perkara dasar bahasa rasmi yang digunakan dalam Negeri ini. Ada yang menuduh bahawa Kerajaan tidak mengakui kepentingan bahasa Melayu dipergunakan dalam perhubungan Kerajaan, dan akan menghapuskan bahasa Melayu. Fikiran2 yang diatas ini selalu terbacha dalam tulisan2 yang termuat dalam majallah2.

Baharu2 ini telah timbul suatu perasaan yang menunjokkan fikiran serupa itu dalam satu tulisan daripada pembacha yang kechewa dalam permohonannya meminta kerja sebagai Outdoor Officer, di Pejabat Customs, Brunei, mithalnya. Penulis itu berasa tidak puas hati atas sharat menghendakki kelulusan pelajaran Inggeris darjah tujuh untuk jawatan itu.

Dasar Kerajaan Brunei bukanlah hendak menghapuskan bahasa Melayu; tetapi adalah samata2 hendak meninggikan lagi kebolehan anak2 Negeri dengan saberapa chepatnya, jikalau diizinkan dengan keadaan masa dan alat2 yang mesti disediakan untuk menjayakannya dalam ilmu pengetahuan yang dapat nanti menjamin mereka berpadu sama taraf dengan mereka dari negeri2 lain yang telah lama maju kahadapan.

Ilmu pengetahuan adalah sangat berharga disisi manusia. Untuk menuju kejayaan itu, manusia tidak putus2 mendalami ilmu2 itu menerusi beberapa macham jalan - biasanya jalan yang lengkap, mudah dan yang mendatangkan faedah kapadanya mengikut keadaan masa sahari2.

Dasar Kerajaan Brunei ialah hendak menggunakan kedua2 bahasa Melayu dan Inggeris, mengikut keperluan2 dan persesuaian2nya yang tertentu. Bahasa Inggeris adalah bahasa yang banyak sakali digunakan oleh negeri2 antara bangsa, dan juga bahasa perdagangan. Bahasa Inggeris juga mengandongi berbanyak ilmu pengetahuan yang amat banyak lagi belum lengkap diterjemahkan kabahasa Melayu. Boleh dikatakan adalah bahasa Inggeris itu ialah bahasa dunia.

Oleh kerana sebab2 yang diatas ini dan dengan tujuan semoga dapat menyenangkan lagi peluang bagi memperbanyakkan anak negeri yang dapat meninggikan lagi keadaan mereka, maka Kerajaan akan memerhatikan atas masaelah meninggikan taraf so'al pelajaran di Negeri ini.

Sungguh pun demikian, bagi pehak Kerajaan tidaklah pula memaksa perhubungan dari orang ramai kapada Kerajaan itu mesti dibuat dalam bahasa Inggeris. Banyak daripada persuratan2 yang diterima dari orang ramai adalah dalam bahasa Melayu, dan kesemuanya itu dijawab dalam bahasa Melayu sakali pun jika saki-ranya mereka berhajat hendak berjumpa dengan Tuan Resident kiranya tidaklah terpaksa ianya terlebih dahulu mengetahui bahasa Inggeris untuk menerangkan apa2 yang merunsingkan fikirannya.

Salain daripada sebab2 mustahaknya bahasa Inggeris, ada lagi satu sebab mengapakah bahasa Inggeris itu digunakan. Undang2 Negeri ini adalah ditulis dalam bahasa Inggeris. Sunggoi pun usaha2 permulaan telah dijalankan untuk menterjemahkan kabahasa Melayu, tetapi ini akan memakan masa yang amat lama. Salain daripada itu pula, ahli2 undang2 atau mereka yang mengerti selok belok undang2 itu belumlah lagi ada.

Didalam beberapa mashuarat...

Didalam beberapa mashuarat Lembaga2 Negeri telah kedengaran pengaduan tidak puas hati oleh beberapa ahli2 mashuarat atas dukachita mereka akan lambatnya sesuatu ranchangan negeri yang sedang berjalan sekarang ini disiapkan.

Mereka tidak puas hati, dan bertanyakan mengapakah ranchangan2 itu tidak dapat disempornakan dengan lebeh lekasnya. Kadang2 kata mereka terdapat ranchangan2 yang telah berjalan berlanjutan lama daripada waktu yang telah dianggarkan lebeh dahulu.

Kerajaan, dalam so'al ini berasa simpati terhadap fikiran2 ahli2 tersebut itu, serta perchaya orang ramai juga berhak bertanyakan betapakah demikian. Ada juga yang berkata perkara demikian tidak patut boleh berlaku sebab kekayaan Brunei tidak boleh menghalang atau mengandalkakan kejayaan2 yang dikehendakki itu. Sabenarnya, Kerajaan ingin supaya ranchangan2 yang sedang berjalan itu dapat disempornakan dengan sachebat2nya bilamana ranchangan2 lain yang sedang menanti dapat dimulakan pula. Selain daripada lambat masanya yang terbangun, ternyata perbelanjaan yang melebehi akan digunakan juga.

Bagai kebanyakan ranchangan2 ini banyak diantara pekerja2nya adalah terdapat daripada orang2 Melayu Brunei yang bergaji hari. Bilangan orang yang bekerja dalam perengkat ini pada masa ini ada kira2 2,100, iaitu pekerja2 di Pejabat Kerja Raya sahaja. Selain dari itu, ada juga yang bekerja dengan sharikat2 contractor yang menjalankan kerja bangun membangun di Negeri Brunei ini.

Tetapi ranchangan2 perkembangan adalah bergantung sangat2 kepada pekerja2nya akan kejayaannya dan lekas lambatnya sesuatu ranchangan itu disempornakan, selain daripada membelanjakan wang kekayaan negeri. Atas pekerja2lah, terutama dari orang2 Brunei yang tanggung jawab bekerjasama untok menjayakan segala tugas2 kerja mereka harus disadari dengan saksama. Dalam masa perkembangan negeri kita ini akan terdapat penchariannya, mengikut kebolehan masing2.

Kerajaan sentiasa berdasarkan menolong memberi pekerjaan kepada anak2 Brunei. Bahkan adalah dasarnya juga supaya tiap2 sharikat contractor yang berniaga di Negeri ini, harus mengambil anak2 Brunei dengan saberapa bolehnya terutama sekali dalam lapangan pembangunan.

Dengan dukachitanya didapati banyak daripada sharikat2 itu terpaksa menghentikan jawatan mereka sebab kebanyakan daripada pekerja2 orang Brunei itu tidak sanggup atau tidak dapat memberikan usaha tenaga yang dikehendakki kerana menjayakan usaha2 sharikat tersebut. Dalam perkara ini, Kerajaan menda-pati kekechewaan sarupa itu juga. Diantara buroh2 yang berkhidmat bergaji hari itu banyak yang tidak bersungguh2 menunaikan tugas jawatannya, ada yang tidak benar2 memberikan tenaga mereka yang chukop dalam pekerjaan masing2.

Perkembangan negeri tidak akan maju dan jaya jika banyak diantara pekerja2nya dudok 'nganggor' sahaja dan tanggung jawab atas tindakan yang sesuai yang dapat memberhentikan keadaan yang sama2 merugikan harta kekayaan negeri ini adalah terpulang kepada buroh2 yang berkenaan itu.

× RANCHANGAN MAKANAN SEKOLAH2

Dinyatakan bahawa baharu2 ini sapuchok surat telah diterima oleh Tuan ...

terima oleh Tuan British Resident mengadukan hal atas kurang puas hatinya penulis itu akan chara2 makanan yang diberikan dalam sebuah sekolah.

Penulis itu tidak memberi tarikh atau namanya, dan tidak pula menyatakan sekolah manakah yang menjadi sebab tidak puas hatinya itu. Satahu Kerajaan, makanan yang dibagikan kepada anak2 Sekolah adalah memuaskan, dan harus mengikut peratoran2 yang telah disediakan baginya. Sunggoh pun demikian, oleh kerana tanggung jawab mengadakan makanan2 sekolah itu terpulang kepada Guru2 Besar Sekolah, maka harus terdapat sebab2nya yang menimbulkan perasaan tidak puas hati itu.

Jika sakiranya terdapat keadaan serupa itu, orang ramai dijemput mengadukan hal itu kepada Tuan Resident sendiri sakiranya berasa takut menyatakan namanya si penulis itu dalam suratnya. Tetapi, jika keterangan2 yang penoh saperti nama sekolah yang diadakan bersalah, nama sipenulis, nama guru sekolah dll., tidak akan dinyatakan, maka tidaklah dapat Pihak Yang Berkuasa mengambil tindakan yang samestinya.

Tuan Resident adalah sangat mengambil berat atas baik jalannya ranchangan makanan sekolah2 itu dan jika sakiranya ada perkara2 yang telah terkeluar daripada peratoran yang telah ditetapkan, maka beliau akan mengusahakan penyelidikan keatasnya.

X PEMBAHAGIAN AYER DI KUALA BELAIT

Pekerjaan untuk menyelesaikan pembahagian ayer di Kuala Belait telah dijalankan baharu2 ini dan Juru2 Tera dari Humes Industries, Singapura akan tiba di Brunei tidak berapa lama lagi untuk membantu pekerjaan menyudahi pemasangan pipe ayer yang besar dari Seria ka Kuala Belait.

Pekerjaan tersebut telah mulai dilakukan oleh Peninsular Company, tetapi sharikat itu telah tidak dapat menyudahi pekerjaan yang ditugaskan kepadanya dan ia telah menanggung segala perbelanjaan yang dilakukan itu.

Kemudian Kerajaan telah mempelawakan sharikat2 yang lain membuat permintaan untuk menyudahi pekerjaan itu, tetapi sebuah sharikat pun telah tidak diterima oleh Kerajaan. Oleh itu supaya pekerjaan tidak tergendala, maka Kerajaan telah bersejaja bahwa pekerjaan itu hendaklah dijalankan oleh Pejabat Kerajaan Raya.

Kerajaan berharap hendak menyudahi pekerjaan memasang pipe yang besar diantara Seria dan Kuala Belait terlebih dahulu, supaya dapatlah dibawa ayer yang jernis dari Seria ka tangki ayer di Kuala Belait.

Sasudah itu, baharulah akan dijalankan pekerjaan menyudahi pemasangan pipe2 ayer di Bandar2 Seria dan Kuala Belait.

Kerajaan chukup faham kemahuan pendudok2 di Kuala Belait berkenaan dengan perkara pembahagian ayer di Daerah itu dan akan menjalankan pekerjaan2 dalam kuasanya untuk menyudahi pekerjaan yang tersebut dengan saberaapa segera.

MASJID BAHARU DI BRUNEI

Kerajaan Brunei telah membuat satu rancangan pada tahun 1949 bahawa Negeri Brunei patutlah mempunyai sebuah Masjid yang besar yang akan menjadi kemegahan kepada Negeri ini dan akan terdiri selama beberapa abad yang akan datang.

Pada masa itu penyiasatan telah dijalankan dan Kerajaan Brunei telah membuat perhubungan dengan beberapa buah negeri di Malaya meminta contoh bentuk Masjid yang baharu yang dapat bermuat diantara 500 dan 1,000 orang.

Negeri Perak menjawab bahawa tidaklah ada sebuah Masjid di negeri itu sebesar mana yang dikehendaki oleh Negeri Brunei. Selangor pula telah menghantarkan contoh bentuk Masjid baharu yang sedang dibina pada masa itu di Kuala Selangor yang dapat digunakan oleh diantara 600 dan 700 orang, manakala 500 orang sahaja dapat menggunakan Masjid di Kangar, Perlis.

Selain daripada itu, gambar Masjid di Muar, Johore yang dapat digunakan oleh 2,500 orang telah juga dihantarkan ke Brunei dan lain-lain keterangan mengenai pembinaan Masjid yang baharu di Bandar Brunei telah diperolehi dari Persekutuan Tanah Melayu.

Kemudian pada bulan December tahun 1952 sebuah Jawatan Kuasa dengan di Pengurusikan oleh Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara, Wazir Yang Pertama Negeri Brunei telah ditubuhkan. Jawatan Kuasa itu telah ditugaskan untuk mengambil persetujuan iaitu dimanakah Masjid baharu tersebut patut dibina.

Pada permulaannya telah dichadangkan bahawa Masjid itu hendaklah dibangunkan di Padang Bandar Brunei. Lamakelamaan Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei, Sir Omar Ali Saifuddin, telah bersetuju iaitu Masjid itu dibangunkan dikawasannya yang sekarang ini. Kawasan itu telah difikirkan sangat sesuai untuk Brunei, kerana Bandar Brunei letaknya berhampiran dengan Sungai Brunei dan kebanyakan daripada penduduk Bandar Brunei tinggal dikawasan Kampong Ayer itu. Berlebeh lagi, dengan adanya Masjid baharu itu dikawasannya sekarang ini, dapatlah memberi kesenangan kepada Orang Islam yang tinggal di Kampong Ayer pergi ke Masjid itu, dengan menggunakan kenderaan di ayer.

Contoh bentuk bangunan Masjid itu mulai dilukis pada tahun 1953 dan pekerjaan membangunkan Masjid itu dijalankan setahun kemudian. Tingginya Menara Masjid itu ialah 144 kaki, manakala bumbung bulat Masjid itu adalah sedikit rendah sahaja dari Menara itu.

Sebuah tambatan yang besar dan pangkalan akan dibina dikawasan Masjid itu berhampiran Sungai Brunei dan pada sebelah malam akan dipasang lampu elektrik.

Beberapa banyak batu mar-mar dari Negeri Italy akan digunakan dalam Masjid itu. Oleh kerana kekurangan tempat menyimpan batu yang berharga itu dalam Bandar Brunei pada masa ini, sakaliannya itu akan dibawa ke Brunei pada masa yang dikehendakinya.

Sayugia disebutkan bahawa Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei, Sir Omar Ali Saifuddin sendiri telah melukiskan bentuk Mimbar Masjid itu. Mimbar itu juga akan diperbuat dari batu mar-mar yang mahal.

Oleh sebab Masjid itu sangat besar, maka beberapa banyak alat pembesar suara akan digunakan supaya kesemua sidang jema'ah akan dapat mendengar ...

akan dapat mendengar suara Imam Masjid itu pada masa khotbah.

Sahingga ka masa ini, tidaklah dapat kita menyatakan dengan tepat bahawa bilakah masanya yang Masjid itu akan siap. Bagaimana pun adalah dijangka yang Masjid itu akan dapat digunakan sekurang2 18 bulan lagi.

LICENCE BAIKAL DI BRUNEI

Majallah Hiboran, Singapura telah menyiarkan satu rencana oleh seorang penulis baharu2 ini berhubung dengan perkara mengenai licence baikal di Brunei.

Dalam rencana tersebut, penulis itu berkata bahawa "mengapakah di Brunei pada masa ini semua orang yang mengambil licence baikal itu sebelum dibenarkan oleh Pejabat Pendaftaran atau Municipal terlebih dahulu di "Test" oleh seorang Wakil Police, terkadang2 seorang yang hendak mengambil licence itu terpaksa membaiki baikal dahulu hingga karat2 pun tidak dibenarkan melekat pada baikal itu; apatah lagi kalau kotor2 bertanah dan tidak ada locheng, lampu merah dibelakang dan rosak chat sedikit pun terpaksa diganti dan membeli baharu; apatah lagi kalau tidak ada lampu hadapan dan tidak cukup kuat apa bila berhenti".

Untuk pengetahuan penulis tersebut dan orang2 ramai, tidaklah terkandung didalam Undang2 Negeri ini mengenai pemereksaan baikal2 dengan selengkapnya. Bagaimana pun, Undang2 Negeri ini menyebut iaitu tiap2 baikal dikahendakki mempunyai "brake"2, "mudguard"2 dan locheng yang baik keadaannya. Sakiranya baikal itu digunakan pada waktu malam, hendaklah digunakan lampu hadapan dan sebuah "reflector" (lampu merah) dibelakang baikal. Oleh itu sebelum tiap2 baikal diberi licence, Pihak Yang Berkuasa terpaksa memereksai baikal itu terlebih dahulu.

Oleh kerana beberapa banyak baikal telah hilang, maka langkah yang dijalankan ini, diantaranya mendaftarkan nombor badan baikal, dapatlah menentukan bahawa baikal yang telah dichuri tidaklah didaftarkan semula dan juga langkah ini adalah memberi faedah dan memberi pertolongan yang besar kepada orang2 ramai untuk keselamatan lalu lintas.

JEMA'AH2 HAJI DARI BRUNEI TAHUN INI

Seramai 152 orang jema'ah2 Haji dari Brunei telah berangkat ka Tanah Suchi pada tahun ini kerana menunaikan fardzu Haji.

Rombongan yang pertama mengandongi seramai 80 orang telah berangkat ka Singapura dalam pelayaran mereka ka Jeddah pada 7 May, dan seramai 72 orang lagi, mengandongi 26 orang perempuan dan 22 kanak2 telah belayar dari Brunei ka Singapura pada 21 May.

Sabelas orang telah berangkat ka Tanah Suchi atas perbelanjaan perchuma dari Kerajaan Brunei, diantaranya ialah seorang perempuan, iaitu isteri seorang Guru Sekolah Melayu yang telah bekerja dalam perkhidmatan Kerajaan Brunei selama 25 tahun.

PERTUNJOKAN WAYANG GAMBAR PEJABAT PENERANGAN BRUNEI

Dibawah ini kita siarkan tarikh pertunjukan Wayang Gambar Pejabat Penerangan Kerajaan Brunei bagi bulan June, 1956:

DAERAH TEMBURONG : 4 June, Bangar; 5 June, Sekolah Melayu Batu Apoi; 6 June, Sekolah Melayu Bokok; 7 June, Kampong Kenoa (Penghulu Orang Kaya Masing).

DAERAH BRUNEI : 9 June, Dewan Pejabat Penerangan Kerajaan Brunei, Bandar Brunei; 12 June, dibelakang Pejabat Kerajaan, Bandar Brunei; 13 June, Sekolah Melayu Pangkalan Batu, Brunei; 16 June, dikawasan Rumah Sakit Kerajaan, Bandar Brunei; 23 June, Dewan Pejabat Penerangan Kerajaan Brunei, Bandar Brunei; 25 June, dibelakang Pejabat Kerajaan Bandar Brunei; 28 June, dikawasan Penjara Jerudong; 30 June, Sekolah Melayu Sultan Umar Ali Saifuddin, Muara.

DAERAH TUTONG : 18 June, Sekolah Melayu Bukit Bendera, Tutong; 19 June, Sekolah Melayu Layong, Tutong; 20 June, Sekolah Melayu Ukong, Tutong; 21 June, Sekolah Melayu Rambai, Tutong; 26 June, Sekolah Melayu Keriam, Tutong.

DAERAH KUALA BELAIT : 4 June, Sekolah Melayu Kuala Balai; 5 June, dikawasan Rest House, Labi (Orang Kaya Md. Noor); 6 June, Sekolah China, Labi (Mr. Paul Khoo); 7 June, Sekolah Melayu Rampayoh, Labi; 8 June, Kampong Ratan (Penulong Penghulu Abang Razali); 9 June, Pertunjukan untuk Anggota2 Pejabat Kerja Raya, Bukit Puan; 14 June, Sekolah China, Kuala Belait; 15 June, Kampong Sungei Taraban, Jalan Miri, Bahagian Belait; 16 June, dikawasan Balai Police, Kuala Belait; 18 June, di Padang Kechil, Kuala Belait; 23 June, dikawasan Rumah Sakit Kerajaan, Kuala Belait; 25 June, Sekolah Melayu Bukit Sawat, Ulu Belait; 26 June, Sekolah Melayu Sukang, Ulu Belait; 27 June, Kampong Malilas, Ulu Belait; 29 June, dikawasan Field Force, Kuala Belait; 30 June, Sungei Taraban, Jalan Miri, Bahagian Belait.

DAERAH SERIA : 12 June, Pejabat Kerajaan, Seria (Pertunjukan untuk orang2 ramai); 13 June, Sekolah China, Seria; 19 June, Sekolah Melayu Danau; 20 June, Sekolah Melayu Sungei Liang; 21 June, Kampong Sungei Lumut.

TIKET KAPAL FERRY TUTONG/DANAU

Mulai dari 1 June, 1956 Kerajaan Brunei akan mengeluarkan tiket2 untuk kegunaan selama 3 bulan kepada orang2 yang menggunakan kenderaan2 berulang alek diantara Tutong dan Danau dengan kapal ferry.

Tiket2 itu yang dikeluarkan untuk kenderaan2 kepunyaan orang2 ramai akan dijual dengan harga sebanyak \$ 150 pada tiap2 kenderaan, iaitu \$ 50 pada tiap2 bulan, boleh dapat dibeli dari State Marine Office, Brunei; Customs Office, Kuala Belait dan dari kesemua Pejabat2 Daerah diseluruh Brunei.

Orang2 yang mempunyai kenderaan2 yang tidak berkehendak tiket2 tersebut, bolehlah membayar tambang kapal ferry itu seperti biasa, iaitu sebanyak \$ 5 bagi tiap2 buah kenderaan pada tiap2 kali menggunakan kapal tersebut.